

'Ekonomi global masih digugat'

BH x. 8 DEC 2002

Oleh **JAMHARIAH JAAFAR** dan **MAGENDRAN RAJAGOPAL**

PUTRAJAYA: Perkembangan ekonomi global sekarang masih digugat oleh ancaman keganasan dan usaha menanganinya secara diplomatik perlu diselaraskan dengan mengambil sikap adil kepada semua pihak, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam keadaan sekarang, kaedah sesetengah pihak menangani ancaman serangan pengganas tidak begitu bijak kerana boleh memburukkan lagi keadaan dan saya berpendapat penduduk dunia masih tidak rasa selamat apabila berkunjung ke negara lain.

"Jika masyarakat tidak rasa selamat membuat perjalanan atau menaiki kapal terbang, urusan perniagaan terbantut dan ini menjejaskan ekonomi dunia secara keseluruhan.

"Kita mahu memastikan tiada lagi serangan pengganas, kita mungkin tidak suka kenapa mereka melakukan keganasan ini tetapi hakikatnya, jika kita tidak cuba menghapuskan punca yang menyebabkan keganasan, ia akan berterusan.

"Ini hanya memburukkan lagi keadaan dan keganasan akan menjadi sebahagian daripada hidup kita untuk satu jangkamasa yang amat lama," katanya selepas menerima kunjungan tetamu kenamaan sempena majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediaman rasminya, Seri Perdana semalam.

Beliau berkata, kuasa besar dunia terus membenarkan satu pihak bermaharajalela, umpamanya tentera Israel membunuh ramai orang awam tetapi dunia tidak bertindak menghentikan kekejaman itu, sebaliknya mereka mahu rakyat Palestin berhenti mempertahankan diri dengan menyerang balas.

Kata Dr Mahathir, kekejaman tentera Israel menyebabkan kanak-kanak terbunuh dan sekiranya

rumah tertentu milik rakyat Palestin disyaki dihuni pengganas, keseluruhan rumah itu, termasuk keluarga yang mendiaminya, dimusnahkan.

"Satu ketika dulu mereka (regim Israel) hanya bertindak terhadap pengganas yang sudah dikenal pasti tetapi kini mereka memusnahkan rumah, malah sesuatu perkampungan sama sekali jika disyaki ada beberapa pengganas bersembunyi di sana.

"Ini membuatkan orang ramai sangat marah dan apabila marah, agak susah untuk mereka memendam perasaan masing-masing. Satu-satunya jalan keluar mereka ialah mempertahankan diri dengan menyerang balas," katanya.

Negara Islam menjadi sasaran kempen buruk Barat sejak serangan berani mati terhadap Amerika Syarikat pada 11 September 2001 terhadap bangunan berkembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon, mengakibatkan kira-kira 3,000 orang terkorban.

Baru-baru ini, Washington memberi amaran serangan bom kereta seperti di Bali pada 12 Oktober lalu yang mengorbankan lebih 200 nyawa, mungkin berlaku di Kuala Lumpur.

Berikutan serangan itu juga, Perdana Menteri Australia, John Howard, berkata Australia sedia menyerang pengganas di beberapa negara jirannya di Asia dan meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meminda piagamnya bagi membolehkan tindakan itu dilakukan.

Sejak kenyataannya itu, hubungan Australia dengan negara jiran khususnya Malaysia, Indonesia dan Filipina menjadi semakin renggang dan ada yang meminta Howard menarik balik kenyataan itu dan meminta maaf tetapi tidak diendahkan beliau.

Ditanya mengenai kedegilan Howard enggan meminta maaf kepada negara Asia lain, Dr Mahathir berkata itu tidak mengapa kerana Malaysia sememangnya tidak mengharapnya beliau meminta maaf.